

BANK ISLAM, SWADD AGIH PEK BERBUKA PUASA KEPADA WARGA KOTA SEPANJANG RAMADAN

Sebanyak 11,000 juadah berbuka puasa diagihkan secara pandu lalu setiap hari

MENGIMARAHKAN RAMADAN. Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) melalui surau wakafnya, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) meneruskan tradisi Ramadan dengan menyediakan juadah berbuka puasa secara percuma kepada warga ibu kota di perkarangan ibu pejabatnya, Menara Bank Islam di Jalan Perak, Kuala Lumpur.

Inisiatif tahunan, yang kini memasuki tahun ke-8, itu merupakan sebahagian daripada program Ramadan Fest@SWADD yang bertujuan untuk berkongsi rezeki yang diraih Bank Islam serta memeriahkan lagi sambutan bulan mulia.

Sebanyak 11,000 pek berbuka puasa disediakan sepanjang bulan Ramadan dan diagihkan secara pandu lalu pada setiap hari bekerja. Sebanyak RM88,000 telah diperuntukkan bagi inisiatif ini.

Selain penyediaan pek juadah berbuka, Program Ramadan Fest@SWADD juga melibatkan penganjuran beberapa siri tazkirah Jumaat secara langsung yang turut boleh ditonton menerusi laman Facebook Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy. Di samping itu, turut diadakan majlis Qiamullail Perdana pada 24 April lalu bersama warga kerja Bank Islam.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rohazida Mohamed Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: rohazidam@bankislam.com.my	Omar Atin Pengurus Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: omar@bankislam.com.my
---	---